

16/03/2003

Malaysia jihad bantah perang

Yahya Awang

TAIPING: Kelantangan Malaysia menentang sekeras-kerasnya tindakan Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya menyerang Iraq termasuk pada forum dunia sebenarnya satu jihad, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Katanya, tindakan berkenaan ialah bentuk jihad bagi mempertahankan keadilan, kedamaian dan kemanusiaan rakyat Iraq.

"Perjuangan banyak caranya dan perjuangan Malaysia menegakkan kebenaran, keadilan, kemanusiaan dan antikeganasan adalah satu cara jihad membantu Iraq.

"Jihad bukan bermakna kita mesti pergi ke negara terbabit," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Dewan Orang Ramai dan Perpustakaan Bukit Gantang berharga lebih RM100,000 di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas gesaan Presiden Iraq, Saddam Hussein yang meminta negara Islam seluruh dunia berjihad bersama-samanya menentang AS yang mahu memerangi negara itu.

Abdul Hamid berkata, bukan mudah bagi sebuah negara kecil seperti Malaysia menentang dan membantah hasrat negara besar dan berpengaruh seperti AS.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlandaskan niat yang suci dan benar tegas menentang kehendak negara kuasa besar itu.

Katanya, ketegasan Malaysia itu terserlah terutama ketika ucapan Dr Mahathir pada persidangan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM), baru-baru ini.

"Pendirian Malaysia amat jelas iaitu menentang sebarang kekerasan atau peperangan. Peperangan tidak boleh menyelesaikan masalah.

"Sebab itu hasrat AS mahu menyerang Iraq dengan alasan demi keamanan, tidak dapat diterima dan dipersetujui Malaysia serta negara lain yang berpendirian sama," katanya.

Abdul Hamid berkata, Malaysia sedar peperangan hanya menyebabkan kerosakan dan kemusnahan besar kepada rakyat Iraq terutama kanak-kanak yang tidak berdosa dan golongan tua.

"Oleh kerana kita bersama dengan rakyat Iraq, kita bersama dari segi kemanusiaan dan keadilan. Pada kita serangan oleh AS itu adalah satu kezaliman," katanya.